

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

Wacana PNC

BENGKEL HALA TUJU 'GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY' BERSAMA KOORDINATOR KEUSAHAWANAN SELURUH SISTEM TAHUN 2024

IXORA HOTEL PENANG, BANDAR PERAI JAYA, PULAU PINANG | 25 APRIL 2024

Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang



Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamuualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah SWT dapat kita berhimpun di Bengkel Hala Tuju "Globally Renowned University" Bersama Koordinator Keusahawanan Seluruh Sistem bagi tahun 2024 pada hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga kerja MASMED Shah Alam kerana berjaya menganjurkan program bengkel ini yang amat penting dalam memastikan kelancaran pelaksanaan operasi antara MASMED Shah Alam dan seluruh sistem UITM.

MASMED dan seluruh warganya di fakulti dan cawangan beramanah untuk merealisasikan agenda Keusahawanan Negara menjelang 2030 (DKN 2030). Melalui KPT, kita diberi 1 KPI dan 6 PIs untuk disempurnakan pada setiap tahun. Alhamdulillah, UITM melalui MASMED bersama 41 Koordinator MASMED di seluruh telah berjaya mencapai 6 bintang iaitu pencapaian 100 atau lebih pada semua PIs. Terima kasih banyak saya ucapkan atas komitmen dan kesungguhan semua pihak termasuk Rektor and Dekan masing-masing.



WHAT YOU'LL FIND INSIDE COULD SURPRISE YOU

Selain daripada itu, saya juga berharap agar kita dapat memperkasakan sinergi di antara semua koordinator keusahawanan di seluruh sistem UTM dan merapatkan jurang komunikasi antara warga kerja Fakulti-fakulti Kampus-kampus Cawangan dan MASMED Shah Alam dalam memastikan perjalanan operasi kerja kita pada tahap yang paling efisien. Alhamdulillah, MASMED juga sudah mempunyai Ketua Jabatan untuk Penjenamaan Korporat selain daripada koordinator Unit Strategi. In sha Allah dengan gabungan 2 Unit ini, kita akan terus membaiki keberkesanan komunikasi dan juga ukhwaah di antara kita. Kita telah masuk ke suku kedua 2024 dan ia menjadi kewajaran untuk kita duduk bersama-sama merencanakan arah tuju kita seterusnya atau lebih kepada menilai semula pelaksanaan operasi kita. Justeru, dengan membuat permurnian ke atas proses-proses kerja yang telah kita amalkan terdahulu adalah pendekatan terbaik dalam memantapkan lagi institusi kita. Bak kata pepatah, membiasakan yang betul dan betulkan yang biasa. Apa-apa yang tak molek di mata tu, cepat-cepatlah kita betulkan. Kunci kepada pengurusan yang dinamik adalah CQI. Proses yang kita wujudkan tiada yang sempurna; maka CQI adalah sesuatu yang wajib bagi kita sama ada keperluan datang daripada feedback pelanggan atau kemajuan kita untuk menjadi lebih baik.

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, matlamat utama program ini diadakan adalah untuk memperkemas proses merangka, merancang dan merencanakan strategi MASMED ke arah "Globally Renowned University UTM Tahun 2025". Ia juga merangkumi penelitian pelaksanaan dan merangka arah tuju program keusahawanan ke arah kecemerlangan agenda pendidikan keusahawanan di UTM. Saya juga berharap agar bengkel kita ini dapat memberi ruang untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan staf dalam pelaksanaan program-program keusahawanan.



Untuk itu, pada tahun 2024, TEMA utama MASMED adalah PENGANTARABANGSAAN. Saya memohon kepada semua koordinator untuk merancang dan meletakkan agenda Keusahawanan dalam semua MoU atau MoA yang akan datang. Surat rasmi kepada Rektor- rektor dan Dekan-dekan akan disertakan sebagai susulan kepada agenda ini agar perkara ini dapat dilaksanakan dengan sokongan Pengurusan Tertinggi masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Saya ingin menarik perhatian semua yang ada hari ini agar bergerak bersama-sama dengan saya dengan membentuk sebuah pasukan pengurusan yang efisien dari segenap rusang. Saya ingin ucapkan ribuan terima kasih atas komitmen tinggi, kecekapan dan sikap berwibawa yang dipamerkan oleh tuan-tuan dan puan-puan semua selama ini secara tidak langsung membantu dalam memperkasakan operasi di MASMED ini.



Demikian memastikan aspirasi MASMED dan UTM dapat direalisasikan, banyak perkara yang perlu ditambahbaik seperti hubungan baik sesama staf sama ada di Shah Alam mahupun di cawangan-cawangan, dan di fakulti. Melalui kebersamaan para pensyarah dan warga kerja pengurusan MASMED UTM mahupun pihak pengurusan jabatan MASMED yang lain ianya mampu membawa kita bersama-sama ke destinasi kejayaan. Sebuah gerabak kereta api tidak akan dapat bergerak jika hanya gerabak hadapannya yang berfungsi, ianya perlu diikuti dengan kekuatan dari gerabak tengah dan belakang. Begitulah umpamanya dalam perjalanan pengurusan MASMED dan seluruh sistem UTM ini, yang saya kira tidak mampu untuk saya mengemulas amanah ini seorang diri jika tidak diiringi dengan tanggungjawab semua pihak dari peringkat professional, pengurusan hingga pelaksana.

Saya sangat berharap kita semua dapat menjalankan hubungan kerjasama yang baik dan professional walaupun sekecil kita mempunyai prinsip dan pendapat berbeza, raihanlah ia bersama. Jangan jadikan ia penghalang untuk sama-sama maju ke hadapan. Ingatlah kita semua mempunyai amanah dan matlamat yang perlu ditunaikan.

Saya juga ingin mengungkap VISI DAN MISI MASMED iaitu;

- **VISI:** World Eminent Entrepreneurship Academy
- **MISI:** Transforming lives through entrepreneurship



Akhir kata, saya mendoakan agar bengkel ini dilaksanakan dengan cemerlang, mendapat keberkatan dari Nya, merapatkan hubungan sesama warga dan menjadi pemangkin semangat warga kerja MASMED baik yang di Shah Alam mahupun yang di Fakulti dan Kampus-kampus Cawangan untuk terus bersama-sama mencipta kejayaan.



Saya juga berharap kita berjaya menzahirkan hasrat untuk menjadikan UTM sebagai sebuah university terkemuka dunia (Globally Renowned University) dengan melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan usahawan siswazah yang kompetitif dan lestari sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 - 2025.

Sebelum saya akhiri ucapan dengan pantun, saya ingin memperkenalkan keluarga baru MASMED HQ Shah Alam. Kita juga akan berkenalan dengan Koordinator baru selepas ini dalam slot TAARUF. Akhir kalam, dengarkan dua rangkap pantun berikut:

Banyak keluk ke penarik,
Keluk tumbuh pohon kulni;
Nan elok bawalah balik,
Nan tak elok tinggalah di sini.

Bunga dedap di atas para,
Anak disusun pasang pelita;
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.



Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS
USAHAWAN**